

# Amerika mesti undur dari Iraq: Abdullah

PM mahu pencerobohan kuasa besar dihentikan segera

BH-17/2/2007

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berkata pencerobohan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya di Iraq mesti ditamatkan dan penduduk negara yang musnah akibat perang itu perlu dibenarkan mentadbir negara mereka.

“Saya sentiasa berpendapat pada masa itu Amerika ( dan sekutunya) patut berundur dan biarkan penduduk Iraq menyelesaikan masalah mereka kerana secara tidak langsung saya percaya kehadiran pasukan tentera Amerika memberikan alasan, mungkin kepada kumpulan tertentu untuk terus berkelakuan atau melakukan keganasan seperti yang mereka lakukan,” katanya.

Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) percaya masyarakat antarabangsa patut memujuk penduduk Iraq berusaha mengurangkan konflik fahaman di negara itu.

Bercakap dalam temu bual dengan *Al-Jazeera* yang disiarkan malam tadi, beliau berkata, walaupun wujud persepsi bahawa Iran campur tangan di Iraq, pihak terbabit dalam konflik itu juga perlu membabitkan Iran kerana Iran faktor besar dalam dasar

Asia Barat’.

Beliau juga tidak bersetuju dengan pandangan Amerika supaya dikenakan syarat sebelum kuasa besar itu memulakan rundingan dengan Iran yang kini membangunkan teknologi nuklear.

Ditanya pandangannya mengenai Presiden Iran, Mohmoud Ahmadinejad, katanya, ketua kerajaan Iran itu didesak dengan teruk dan apabila perkara itu berlaku, sukar untuk ramalkan bagaimana tindak balasnya.

**“***Saya sentiasa berpendapat bahawa pada masa itu Amerika dan sekutunya patut berundur dan biarkan penduduk Iraq menyelesaikan masalah mereka”*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Abdullah bagaimanapun berkata, agak mustahil Iran melancarkan serangan ketenteraan ke atas Israel kerana tindakan itu ‘amat bahaya’.

Beliau juga percaya Amerika tidak akan melancarkan perang ke atas Iran, terutama selepas pengalaman kuasa besar itu di Iraq.

“Saya tidak percaya selepas pengalaman buruk di Iraq, berdepan pula dengan bantahan kian memuncak rakyat Amerika terhadap dasar Presiden George W Bush, saya tidak fikir Bush akan mencerooboh Iran seperti lakukan ke atas Iraq,” katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, Israel perlu mengiktiraf Kerajaan Palestin pimpinan Hamas kerana ia mewakili penduduk Palestin.

Katanya, Hamas patut diberikan peluang untuk mentadbir Palestin kerana ‘sebuah kumpulan yang pernah terbabit dalam aktiviti yang dianggap sebagai keganasan, tetapi apabila mereka diberikan kuasa untuk mentadbir, mereka biasanya berubah’.

Sementara itu, Abdullah berkata, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara kaum di negara ini dan ia bukan dasar tetap dalam dasar ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, dasar itu akan dihentikan selepas negara mencapai matlamatnya.

“Apabila objektifnya dicapai tiada sebab untuk meneruskan dasar itu kerana dasar itu dilaksanakan untuk mencapai objektif berkenaan, dan lebih cepat objektif itu dicapai, lebih cepat kita boleh hentikannya,” katanya.

DEB yang diperkenalkan pada 1970-an bertujuan mengatasi ketidakseimbangan ekonomi antara kaum dan untuk merapatkan jurang ekonomi antara Bumiputera dan bukan Melayu dengan Malaysia mensasarkan untuk mencapainya sebelum 2020.

Mengakui wawasan itu bukan mudah untuk dicapai, Perdana Menteri berkata, ini terutama dalam memastikan Bumiputera sebelum ini hanya memiliki 2 peratus pegangan ekonomi, dapat memiliki 30 peratus pegangan ekonomi negara.

“Pada masa yang sama, untuk mewujudkan keadaan Bumiputera juga boleh terbabit secara aktif dalam perniagaan dan industri, ia bukannya mudah,” katanya kepada beberapa soalan yang diajukan oleh hos Tymoor Nibili dalam temu bual selama 25 minit itu. - Bernama